

→ PELANTIKAN AGONG

Rakyat Pahang gembira pelantikan Al-Sultan Abdullah

→ Baginda dapat pastikan nasib penduduk, kemakmuran negara terus terbela

Oleh Amin Ridzuan Ishak dan Mohamad Azim Fitri Abd Aziz
cnews@nstp.com.my

► Kuantan

Pelantikan Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-16

KRONOLOGI PELANTIKAN YANG DI-PERTUAN AGONG

6 JANUARI 2019
 ➤ Sultan Kelantan, Sultan Muhammad V meletakkan jawatan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-15
 ➤ Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah memangku jawatan Yang di-Pertuan Agong.

7 JANUARI
 ➤ Mesyuarat Khas Majlis Raja-Raja menetapkan 24 Januari sebagai tarikh untuk memilih Yang di-Pertuan Agong ke-16.
 ➤ Mesyuarat Khas Majlis Raja-Raja turut menetapkan 31 Januari sebagai tarikh mengangkat sumpah jawatan Yang di-Pertuan Agong ke-16.

11 JANUARI
 ➤ Ahli Jumaah Pangkuan Diraja Negeri Pahang bersetuju memilih Pemangku

Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah sebagai Sultan Pahang keenam berkuat kuasa serta-merta.

15 JANUARI
 ➤ Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Shah dimasyhurkan di Istana Abu Bakar, Pekan.

24 JANUARI
 ➤ Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Shah dipilih sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-16 berkuat kuasa 31 Januari ini.
 ➤ Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah dipilih sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong.

INFO YANG DI-PERTUAN AGONG KE-16



- Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah
- Diputerakan pada 30 Julai 1959 di Istana Mangga Tunggal, Pekan, Pahang
- Dilantik Tengku Mahkota Pahang pada 1 Julai 1975, dimasyhurkan pada 23 Oktober 1977 di Istana Abu Bakar, Pekan
- Pada usia 20 tahun, dilantik sebagai Pemangku Raja Pahang pada 28 April 1979 sepanjang ayahanda baginda menjadi Yang di-Pertuan Agong Ke-12 sehingga 1984.
- Sekali lagi dilantik Pemangku Raja Pahang pada 8 Disember 2016 sehingga 11 Januari 2019 apabila Jumaah Pangkuan Diraja Negeri memutuskan melantik baginda sebagai Sultan Pahang Keenam.

KELUARGA

➤ Isteri: Tengku Puan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Al-Marhum AlMutawakkil Alallah Sultan Ismail ibni Sultan Hassan Bolkiah

- 1 Mei 1999: Leftenan Kolonel, Rejimen 505 Asktar Wataniah
- 1 Jun 2000: Kolonel Rejimen 505 Asktar Wataniah
- 1 April 2004: Brigadier Jeneral, Komander Rejimen 505 Asktar Wataniah

SUKAN

- Meminati bidang sukan dan ketika di England, mengetuai Pasukan Polo Diraja Pahang dalam perlawanan antarabangsa di Windsor Polo Club, England
- Menyertai pertandingan di Singapura, Manila, Filipina, Brunei, Argentina, Amerika Syarikat, Sepanyol dan Belgium
- Di Pekan, baginda menubuhkan pasukan bola sepak sendiri, dinamakan Pasukan Sri Mahkota Alam dan juga meminati sukan lain seperti golf, go-kart, penerbangan ultralight

JAWATAN DISANDANG

- Yang Dipertua Majlis Ugama Islam dan Adan Resam Melayu Pahang
- Yang Dipertua Badan Kebajikan Kerabat-Kerabat Negeri Pahang
- Canselor Universiti Kuala Lumpur (UniKL)
- Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP)
- Canselor Universiti Automotif DRB-HICOM Malaysia

SUKAN

➤ Bola Sepak

Pertuan Agong ke-16, menggembarakan pelbagai lapisan rakyat Pahang.

Terharu, gembira, bersyukur, bangga dan mendoakan kesejahteraan baginda, antara yang diluahkan rakyat sejurus pelantikan Al-Sultan Abdullah sebagai Yang di-Pertuan Agong yang baharu.

Mereka percaya baginda dapat memastikan nasib rakyat dan kemakmuran negara terus terbela.

Pengusaha kedai makan, Wan Rahaimi Wan Mokhtar, 56, berkata kelantangan itu sudah pasti menjadi kebanggaan kepada rakyat Pahang kerana baginda dikenali sebagai Sultan yang dekat di hati rakyat.


Beliau yang berasal dari Kempedang di sini, berharap pelantikan baginda membawa keberkatan dan kehidupan yang lebih aman kepada rakyat.

“Saya doakan baginda dan isteri (Tengku Puan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah) diberi kesejahteraan serta kesihatan yang baik untuk memerintah negara dengan bijaksana,” katanya di sini, semalam.

Pekerja am, G Kasthuri, 35, dari Kuala Lipis, berkata Al-Sultan Abdullah dikenali sebagai Sultan yang prihatin kepada rakyat dan pelantikan baginda adalah tepat pada masanya.

Beliau yang terharu dengan pemilihan baginda, yakin perasaan itu turut dikongsi bersama seluruh rakyat Malaysia.

“Sudah tentu sebagai rakyat Pahang saya bangga dan gembira kerana seperti satu penghormatan buat kami. Saya harap baginda



Wan Rahaimi Wan Mokhtar

dapat memerintah negara dengan adil serta belas ihsan,” katanya.

Peniaga makanan, Nor Laila Ariffin, 48, berkata baginda adalah Sultan yang merendah diri dan meletakkan kepentingan rakyat sebagai keutamaan.

Disayangi rakyat

Katanya, apabila berlaku bencana seperti kebakaran dan banjir, baginda antara yang terawal melawat dan bertanya khabar mangsa.

“Bila sudah menjadi Agong, saya doakan sikap dan sifat itu sentiasa ada pada baginda... insya-Allah baginda akan disayangi rakyat seluruh negara,” katanya.

Peniaga kedai runcit, Abdul Jabbar Abdul Rahman, 71, berkata beliau mempunyai kenangan bersama baginda beberapa tahun lalu yang disifatkan sebagai seorang yang peramah.

“Baginda banyak bertanya khabar pasal rakyat. Apa kita buat... ada masalah atau tidak? Semua itu baginda akan tanya. Jika kita beritahu ada masalah baginda akan cuba memberi penyelesaian,” katanya.

Sementara itu, peniaga kedai



G Kasthuri

runcit, Wong Ching Chean, 30, berharap baginda mampu mentadbir dan memerintah negara dan juga Pahang dengan baik.

“Rakyat berbilang bangsa tentu menyanjung jika pemerintahan baginda membawa kemakmuran dan kesenangan kepada semua golongan,” katanya.

Sementara itu, Pegawai Khas/Protokol Tengku Mahkota Pahang, Datuk Abd Rahman Endut, berkata, baginda adalah seorang yang prihatin dan mendahulukan rakyat.

Katanya, Al-Sultan Abdullah pernah mengarahkan ambulans yang mengiringi rombongan baginda (ketika itu Tengku Mahkota Pahang) membawa mangsa kemalangan jalan raya ke hospital ketika melalui kawasan nahas.

“Baginda bimbang dengan keadaan mangsa dan mahukannya mendapat rawatan segera. Ia menunjukkan bagaimana baginda sentiasa mendahulukan rakyat kerana sifat kasih sayang yang disemai sejak kecil,” katanya yang berkhidmat dengan Al-Sultan Abdullah sejak 45 tahun lalu.

Iskandar Al-Haj

● Anakanda putera dan puteri:

1. Tengku Amir Nasser Ibrahim Shah
2. Tengku Puteri Iman Afzan
3. Tengku Puteri Ilisha Ameerah
4. Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah
5. Tengku Puteri Ilyana
6. Tengku Muhammad Iskandar Ri'ayatuddin Shah
7. Tengku Ahmad Ismail Muadzam Shah
8. Tengku Puteri Afzan Aminah Hafizatullah
9. Tengku Puteri Jihan Azizah 'Athiyatullah

PENDIDIKAN

- 1965: Prasekolah di Sekolah Clifford, Kuala Lipis, Pahang
- 1966-1969: Sekolah Kebangsaan Ahmad, Pekan, Pahang
- 1970-1974: Sekolah Rendah Kebangsaan St Thomas dan Sekolah Menengah Kebangsaan St Thomas, Kuantan, Pahang
- 1975-1977: Aldenham School, Elstree, Hertfordshire, United Kingdom; Davies College, London, United Kingdom.
- 1978-1979: The Royal Military Academy Sandhurst, United Kingdom
- 1980-1981: Worcester & Queen Elizabeth College, United Kingdom.
- Dianugerahkan Diploma In International Relations And Diplomacy

KETENTERAAN

- 1980: Letenan Muda Royal Military Academy, Sandhurst, England (ditauliahkan oleh Queen Elizabeth II); Kapten Pasukan Kor Kavelri Diraja Malaysia

Bola Sepak

- Ahli Majlis Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFF)
- Ahli Jawatankuasa Eksekutif FIFA
- Pernah menyandang jawatan Presiden Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM)

Hoki

- Presiden Persekutuan Hoki Malaysia
- Presiden Persekutuan Hoki Asia
- Ahli Lembaga Eksekutif Persekutuan Hoki Antarabangsa (FIH)

Polo

- Presiden Persatuan Polo Diraja Malaysia (RMPA)
- Presiden Kelab Polo Diraja Pahang (RPCC)

Skuasy

- Presiden Kelab Skuasy Pahang (PSC)

Golf

- Presiden Kelab Golf Diraja Pahang (RPGC)

Menembak

- Presiden Kelab Menembak Diraja Pahang

PENCAPAIAN

- Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Kejohanan Piala Dunia Remaja FIFA 1997
- Ahli Jawatankuasa Penganjur Piala Konfederasi FIFA 2003, Paris
- Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Piala Dunia Polo FIP 2011, Malaysia
- Pengerusi Jawatankuasa Penganjur Kongres FIH 2011, Kuala Lumpur
- Pengerusi Piala Asia AFC 2015, Australia
- Ahli Jawatankuasa Penganjur Piala Dunia 2018, Russia